


## LAMPIRAN A

Ujian Matematik Bahasa Cina

1.  $P(1, -1)$  是点  $A(x, y)$  及点  $B(3, -4)$  的中点, 求  $x, y$ .
2. 已知两点,  $A(8, 1)$  与  $B(3, 6)$ , 若一点  $P$  内分  $AB$  成  $3:2$ , 求  $P$  点的坐标。
3. 求三角形  $ABC$ ,  $A(5, 7)$ ,  $B(2, 3)$  及  $C(9, 6)$  的面积。
4. 一圆的最大弧长为  $36\text{cm}$ , 最小的弧长占了圆心角  $150^\circ$ , 求此圆的半径。
5. 求图中阴影部份的面积。



6. 三角函数  $3 \cos x = 0$  相交于三角函数  $-8 \sin x - 5 = 0$ , 求  $x$  之值。  $0^\circ \leq x \leq 360^\circ$
7.  $-4, y$  及  $10$  是一等差数列 (A.P) 的级数, 求  $y$ .
8.  $A$  是  $-2$  阶矩阵,  $B$  也是  $-2$  阶矩阵, 求证  $AB$  也是  $-2$  阶矩阵。给  $A = \begin{bmatrix} 4 & -2 \\ -5 & 3 \end{bmatrix}$ ,  $B = \begin{bmatrix} 6 & 3 \\ 1 & 0 \end{bmatrix}$ , 求  $AB$  的矩阵。
9. 求矩阵  $A = \begin{bmatrix} 4 & -2 \\ 2 & 3 \end{bmatrix}$  的逆矩阵, 以解矩阵方式。解以下方程式: 
$$\begin{aligned} 4x - 2y &= 4 \\ -2x + 3y &= 6 \end{aligned}$$
10. 化简  $(p^2 q^3)^3 \div (p^{-2} q^{-1})$

## LAMPIRAN B

### Petikan Temu Bual Tiga Subjek

#### Petikan Temu Bual Subjek Pertama

Pengkaji: Mengapakah pencapaian matematik kamu rendah berbanding dengan ujian yang lalu (dalam Bahasa Cina)?

Lau Bek Bee: kerana saya tidak faham perkataan-perkataan seperti 'lengkuk minor', 'lengkuk major' 'sudut yang dicangkumi', dan sebagainya dalam soalan-soalan tersebut, ini menyebabkan saya tidak faham apa yang ditanya oleh soalan.

Pengkaji: Apakah perkataan dalam soalan 6 yang kamu tidak faham?

Lau Bek Bee: Sebenarnya perkataan-perkataan dalam soalan 6 itu saya faham, tetapi selepas baca keseluruhan soalan itu, saya tidak tahu apa yang dikehendaki oleh soalan tersebut.

Pengkaji: Mengapakah kamu tidak dapat menyelesaikan soalan ke-9 dengan lengkap?

Lau Bek Bee: Pada mulanya, saya tidak faham apa itu matriks songsang, saya hanya selesaikan secara cubajaya sahaja, dan akhirnya saya tidak faham perkataan 'kaedah matriks', jadi saya hanya dapat selesaikan soalan itu separuh sahaja.

Pengkaji: Adakah soalan 10 merupakan soalan yang paling ringkas?

Lau Bek Bee: Ya, kerana soalan itu pendek dan tidak mengelirukan.

Pengkaji: Pada keseluruhannya, apakah kesulitan utama yang kamu hadapi semasa menjawab soalan-soalan matematik yang berbentuk perkataan?

Lau Bek Bee: Jenis bahasa yang digunakan untuk membentuk soalan-soalan tersebut, saya mendapat pencapaian yang tidak baik dalam ujian

matematik kali ini disebabkan oleh saya lemah dalam Bahasa Malaysia.

Petikan Temu Bual Subjek Kedua

Pengkaji: Mengapakah kamu mendapat markah yang rendah dalam ujian matematik kali ini (dalam Bahasa Malaysia)?

Lim Mee Chin: kerana saya tidak faham soalan yang ditanya dalam Bahasa Malaysia.

Pengkaji: Mengapakah kamu tidak menjawab soalan 4?

Lim Mee Chin: Saya tidak faham apa maksud 'lengkuk minor', 'lengkuk major' dan 'sudut yang dicangkumi' dalam soalan itu.

Pengkaji: Kalau soalan 4 disertakan dengan gambarajah, adakah kamu mampu menyelesaikannya?

Lim Mee Chin Ya, kerana gambarajah dapat memberitahu apa yang soalan hendak, iaitu seperti soalan 5.

Pengkaji: Mengapakah kamu boleh selesaikan soalan 7 dengan lengkap?

Lim Mee Chin: Kerana saya faham apa yang dikehendaki oleh soalan itu, iaitu saya faham perkataan Janjang Aritmetik.

Pengkaji: Soalan yang manakah yang paling senang dalam kertas ujian ini?

Lim Mee Chin: Soalan 10, soalan itu ringkas sekali.

Pengkaji: Apakah kesulitan utama dalam menjawab soalan-soalan matematik yang berbentuk perkataan?

Lim Mee Chin: Saya tidak faham perkataan-perkataan matematik yang ditanya dalam Bahasa Malaysia, kerana penguasaan Bahasa Malaysia saya lemah.

Petikan Temu Bual Subjek Ketiga

Pengkaji: Mengapakah kamu mendapat markah yang rendah, iaitu hanya 15% dalam ujian matematik kali ini (dalam Bahasa Malaysia)?

Lee Shan Shan: Saya memang lemah dalam matematik, markah yang saya dapat dalam ujian yang lalu(dalam Bahasa Cina) juga rendah(30%), tetapi markah ini tinggi juga jika berbandingkan dengan kali ini (15%), punca utama ialah saya tidak faham soalan yang ditanya dalam Bahasa Malaysia.

Pengkaji: Apakah masalah yang kamu hadapi semasa menyelesaikan soalan-soalan ujian tersebut?

Lee Shan Shan: Saya tidak faham soalan, kerana Bahasa Malaysia saya lemah.

Pengkaji:Bagaimana pula dengan soalan 10?

Lee Shan Shan: Saya dapat jawab soalan 10 kerana soalan ini pendek dan saya pernah buat dalam kertas matematik jenis Bahasa Cina.

Pengkaji: Adakah soalan berbentuk perkataan yang menjadi kesulitan utama kepada kamu semasa menjawab soalan-soalan tersebut?

Lee Shan Shan : Ya, kerana perkataan-perkataan matematik dalam soalan tersebut amat susah, sehingga saya tidak dapat faham kehendak soalan.